

## KARANGAN BAHAGIAN B

**Soalan:** Ibu bapa merupakan insan yang sanggup berkorban demi kesejahteraan anak-anaknya. Huraikan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya.

Impaknya, dengan sikap rajin ini, anak-anak akan cepat faham dan mudah menjawab soalan dalam peperiksaan dan berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran.

Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap ibu bapa hanya mengharapkan kejayaan daripada anak-anaknya dan bukanlah wang ringgit dan harta benda.

Seorang ibu dapat menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu. Sejak belakangan ini, sering dijadikan perbualan tentang isu anak-anak menderhaka dan melupakan ibu bapa mereka. Topik ini menjadi agenda utama yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak. Persoalannya, apakah tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya? Oleh itu, marilah kita membincangkan tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya.

Sebagai contoh, kita sebagai pelajar hendaklah rajin bertanya kepada guru-guru jika tidak memahami sesuatu topik yang telah dipelajari. Selain itu, kita juga perlu rajin mengulang kaji pelajaran dan boleh juga mengikuti kelas tambahan sebagai langkah memantapkan ilmu dalam diri kita.

Anak-anak yang rajin belajar sudah tentu akan menggembirakan ibu bapa, sekaligus mengelakkan daripada bersikap seperti kata peribahasa, malu bertanya sesat jalan.

Sebagai lontaran idea yang pertama, tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapanya ialah dengan belajar bersungguh-sungguh.

Oleh itu ibu bapa akan berasa gembira apabila melihat anaknya belajar bersungguh-sungguh.

**Arahan: Murid-murid diminta menyusun karangan tersebut mengikut susunan isi yang betul.**

[illegible]